

Upacara Sovereign's Parade Pengambilan ke-4 Sekolah Pegawai Kadet ABDB

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di **Upacara Sovereign's Parade Pengambilan ke-4 Sekolah Pegawai Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bertempat di Sekolah Pegawai Kadet Perkhemahan Sungai Akar Negara Brunei Darussalam pada hari Khamis 14 Rabiulawal 1432/ 17 Februari 2011**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat-Nya kita dapat berkumpul di Upacara Sovereign's Parade pengambilan keempat Sekolah Pegawai Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada pagi ini.

Kita merasa bangga kerana berbaris megah di hadapan kita ialah barisan pelapis kepimpinan tentera yang bakal mengambil alih tugas serta tanggungjawab pertahanan negara.

Saya mengucapkan tahniah kepada kesemua 18 Pegawai Kadet yang telah berjaya mencapai ke kemuncak latihan mereka setelah menjalani latihan selama 42 minggu dengan menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran.

Inilah hasil daripada kesungguhan serta semangat yang ceka dan gigih, yang dibuktikan oleh setiap Pegawai Kadet dalam menceburi kerjaya sebagai seorang pemimpin tentera.

Sejauh mana yang telah kita perhatikan, setiap pengambilan Pegawai Kadet telah mencatatkan sejarahnya tersendiri, yang menjadi penanda aras kepada perkembangan Sekolah Pegawai Kadet.

Pada pengambilan ini, penyertaan kaum wanita ternyata semakin meyerlah di dalam kerjaya yang begitu mencabar. Sekali lagi Pegawai Kadet wanita berjaya mendapat tempat teratas dalam latihan dan akan menerima anugerah 'Sword of Honour'.

Ini jelas membuktikan bahawa keupayaan kaum wanita mampu untuk bersaing dalam apa jua bidang ketenteraan.

Di samping itu, kita juga mengalu-alukan usaha Sekolah Pegawai Kadet untuk terus meluaskan bidang latihan bagi menggalakkan penyertaan graduan dari pelbagai jurusan. Ini termasuk latihan perubatan ketenteraan di luar negeri dan latihan 'aero engineering' bersama Tentera Udara Diraja Brunei.

Dengan itu, buat pertama kali Sekolah Pegawai Kadet akan melahirkan seorang Pegawai Perubatan tentera dan seorang lagi dalam jurusan kejuruteraan.

Perkembangan terkini dalam Sekolah Pegawai Kadet dan akademi pertahanan pada amnya, jelas

mencerminkan pembangunan yang pesat di dalam ABDB yang meliputi pelbagai aspek pertahanan dan ketenteraan,.

Ianya juga salah sebuah institusi negara yang bersifat universal yang mampu menawarkan latihan lanjut dalam pelbagai bidang ilmu dan pengetahuan dan seterusnya membuka peluang kerjaya kepada hampir setiap kemahiran dan kelayakan.

Perkembangan ini diharapkan akan terus menarik minat golongan graduan yang mempunyai kelulusan dan kepakaran dalam apa jua bidang untuk tampil ke hadapan memilih kerjaya tentera dan berkhidmat di dalam ABDB.

Seiring dengan kemampuan dan kemahiran, seorang pemimpin adalah perlu juga untuk menamkan kepentingan etika ketenteraan dan pengambilan nilai-nilai teras dalam diri setiap anggota ABDB sebagai asas kepada keteguhan dan kemantapan institusi tentera kita.

Nilai-nilai teras tersebut berperanan sebagai pembimbing kepada tingkah laku seorang pemimpin sebagai 'role model' untuk memberi contoh terbaik serta motivasi kepada anggota lainnya.

Pada masa yang sama ciri-ciri kepimpinan pula penting bagi membantu menumpukan perhatian ke arah usaha mencapai misi dan wawasan pertahanan lebih-lebih lagi dalam tugas mempertahankan kedaulatan negara yang merupakan salah satu tanggungjawab besar serta menghendaki tahap disiplin yang kukuh dan tidak mudah goyah.

Asasnya ialah keimanan dan amalan-amalan murni yang bertepatan dengan moto Sekolah Pegawai Kadet iaitu Setia, Bertakwa dan Berani.

Perkembangan sifat kepimpinan dan keyakinan diri yang ditanamkan melalui latihan dan ujian dari segi ketahanan fizikal, emosi dan rohani tidak akan berakhir di sini.

Malahan pengalaman dan pengajaran yang diperolehi tersebut akan terus kekal dalam jiwa masing-masing sebagai seorang yang bergelar pemimpin.

Di sinilah peri mustahaknya bagi perkhidmatan ketenteraan untuk memberikan keutamaan kepada perancangan kerjaya komprehensif secara berpanjangan melalui pelan latihan dan pendidikan yang khusus serta teratur.

Dengan adanya perancangan tersebut kemajuan pegawai-pegawai ini sebagai pemimpin tentera akan terus dipertingkatkan dari masa ke semasa yang secara langsung menyumbang ke arah perkembangan ABDB.

Di kesempatan ini saya merakamkan penghargaan di atas sumbangan semua pegawai, jurulatih Sekolah Pegawai Kadet serta tenaga pengajar ABDB yang berperanan besar dalam melatih dan membentuk Pegawai-pegawai Kadet sebagai pemimpin yang berkaliber dan berwibawa.

Ke arah itu, para jurulatih adalah juga disarankan untuk sentiasa meningkatkan kemahiran dan terus memperluaskan ilmu pengetahuan dalam bidang masing-masing.

Mereka juga perlu mempelajari dan mengenali kepelbagaian tatacara, menilai dengan baik kemampuan pelatih mereka serta menggunakan kaedah yang bersesuaian untuk mengoptimalkan pembelajaran mereka.

Dengan adanya keupayaan serta kemampuan untuk berfikir secara kreatif dan bersedia menerima pendapat, ianya akan membuka ruang kepada mereka untuk mempertingkatkan lagi tahap profesionalisme serta kebolehan mengajar.

Ke arah itu, saya berharap pihak Sekolah Pegawai Kadet akan dapat mengatur program-program perkembangan latihan yang berterusan bagi meningkatkan keupayaan para jurulatih ke tahap yang lebih tinggi.

Akhirnya sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Pegawai-pegawai Kadet yang menamatkan latihan pada pagi ini.

Semoga azam dan tekad akan sentiasa ditanamkan dalam sanubari setiap Pegawai Kadet serta dipertingkatkan dengan keimanan dan ketakwaan demi agama, bangsa dan negara yang sama-sama kita cintai.

Maka dengan berkat kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim', maka pada menjunjung titah perkenan paduka ayahanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, saya sukacita mengurniakan tauliah sebagai Pegawai Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kepada 18 orang Pegawai Kadet pengambilan keempat.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.